

ISLAMISASI SASTERA: ANALISIS PERBANDINGAN PEMIKIRAN AFFANDI HASSAN DAN MUHAMMAD QUTB

THE ISLAMIZATION OF LITERATURE: A COMPARATIVE ANALYSIS OF THE THOUGHT OF MOHD AFFANDI HASSAN AND MUHAMMAD QUTB

Mirza Farzana binti Mohd Fauzi^{1*}
Assoc. Prof. Dr Mohamad Nasrin Nasir²

¹ Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Email: farzana.fauzi@live.iium.edu.my; <https://orcid.org/0009-0001-6478-3652>

² International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Email: mnasrin@iium.edu.my; <https://orcid.org/0000-0002-0660-7343>

Article history

Received date : 5-8-2026
Revised date : 6-8-2026
Accepted date : 12-9-2026
Published date : 17-9-2026

To cite this document:

Mohd Fauzi, M. F., & Nasir, M. N. (2026). Islamisasi sastera: Analisis perbandingan pemikiran Affandi Hassan dan Muhammad Qutb. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (86), 104 – 117.

Abstrak: Kajian ini membincangkan pandangan sastera Islam berdasarkan pemikiran dua tokoh sastera Islam yang hebat dan terkemuka, iaitu Mohd Affandi Hassan dari dunia Melayu dan Muhammad Qutb mewakili dunia sastera Islam Arab moden. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif melalui analisis kajian-kajian lepas untuk mengkaji penulisan kedua-dua penulis bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan pandangan dan pendekatan mereka dalam membincangkan konsep sastera Islam. Melalui kajian ini, penulis mendapati bahawa kedua-dua mereka berkongsi pendapat bahawa sastera Islam yang sebenar mestilah berpandukan Al-Quran dan Sunnah. Namun, Affandi Hassan lebih menfokuskan sastera yang berlandaskan ilmu, konsep taklif, manakala Muhammad Qutb lebih membincangkan hubungan sastera Islam dan alam serta peranan sastera sebagai alat dakwah bagi pembangunan insan. Walaupun kedua mereka berkongsi asas yang sama, terdapat perbezaan yang ketara dari segi pemikiran, pendekatan epistemologi dan pengaruh budaya masing-masing. Oleh itu, kajian ini dapat membantu dalam memperkayakan pemahaman masyarakat tentang teori sastera Islam dengan lebih mendalam, khususnya dari perspektif pemikiran Melayu dan Arab.

Kata Kunci: Mohd Affandi Hassan, Muhammad Qutb, sastera Arab, sastera Islam, sastera Melayu,

Abstract: This study explores the concept of Islamic literature through the ideas of two prominent Muslim literary thinkers, Mohd Affandi Hassan from the Malay literary tradition and Muhammad Qutb from modern Arabic Islamic literature. A qualitative approach was used by reviewing previous studies together with the writings of both scholars to examine the similarities and differences in their understanding of Islamic literature. The analysis portrays that both scholars consider the Qur'an and the Sunnah as the primary foundations of Islamic

literature. Despite this same perspective, each scholar develops the concept in a different way. Mohd Affandi Hassan places greater exploration on knowledge ('ilm) and the concept of taklif as the basis of literary creation. In contrast, Muhammad Qutb focusses more on connection between literature and human life, viewing literature as a means of da'wah and moral guidance. These differences show their respective intellectual backgrounds, intellectual and cultural traditions. By comparing these two perspectives together, the study offers a clearer understanding of Islamic literary theory and highlights the distinctive contributions of both the Malay and Arab intellectual traditions.

Keywords: *Arabic Literature, Islamic Literature, Malay Literature. Mohd Affandi Hassan, Muhammad Qutb.*

Pengenalan

Menurut A. Wahab Ali (2009), salah satu bentuk pengungkapan seni yang dicipta oleh manusia melalui penggunaan bahasa sebagai medium utama ialah sastera. Dalam dunia kesusasteraan, pelbagai aliran dan teknik penulisan telah muncul termasuklah sastera Islam yang berkembang seiring dengan penyebaran Islam di seluruh dunia. Oleh itu, kemunculan sastera Islam bukan sahaja membawa perubahan dari sudut bentuk dan gaya bahasa, malah turut memberi perubahan terhadap tujuan dan fungsi karya sastera itu sendiri. Jika pada zaman dahulu sastera sering digunakan untuk manusia memuji, meratap, dan meluahkan perasaan semata-mata; sastera Islam pula mengalihkan fokus kepada pentingnya penghasilan karya sastera berasaskan nilai Islam dan mengekalkan kecantikan seni sastera.

Perbincangan tentang islamisasi sastera berkembang sebagai tindak balas terhadap kecenderungan sastera kontemporari yang lebih berorientasikan Barat, yang sering memisahkan nilai estetika daripada asas tauhid. Menurut Nasr El-Din, jika seseorang mahu melabel kesusasteraan Islam ataupun diislamisasikan, penulis mesti memasukkan unsur-unsur Islamik yang merangkumi semua aspek tidak hanya sekadar akidah dan juga ibadat dalam setiap karya yang dihasilkan (Adli Yaacob, 2022). Dalam perbincangan ini, sastera Islam dilihat bukan lagi sempit dan hanya karya yang menampilkan unsur keagamaan secara langsung, tetapi sebagai karya seni yang berteraskan pandangan alam Islam (*Islamic worldview*) secara menyeluruh.

Seiring dengan perkembangan sastera Islam yang semakin mendapat tempat di dunia kesusasteraan ini, kemunculan tokoh-tokoh dari Timur Tengah yang terlebih dahulu mewarnai tasawur kesusasteraan Islam seharusnya tidak wajar dilupakan. Antara yang banyak menyumbang kepada idea ini ialah Sayyid Qutb yang merupakan pencetus awal gagasan ini, dan kemudian adik kandungnya, Muhammad Qutb. Seterusnya, muncullah tokoh-tokoh lain seperti 'Imaduddin Khalil, Abdul Hamid Buzawainah, Abdul Mun'im Khafaji, Syeikh Abu Hassan Ali al-Nadwi yang merupakan seorang ulama terkemuka kelahiran India, Sayyid Sayyid 'Abd al-Raziq dan lain-lain nama besar lagi (Mohd. Adi Amzar Muhammad Nawawi et al. 2015). Dalam kalangan mereka, Muhammad Qutb antaranya yang dilihat sebagai tokoh penting di dalam dunia kesusasteraan Islam. Qutb memperkenalkan sastera Islam bukan sekadar menyampaikan mesej agama secara langsung kepada masyarakat, tetapi harus seimbang antara keindahan seni dan kebenaran wahyu. Menurut beliau, sastera Islam seharusnya memainkan peranan dalam pembentukan jiwa manusia agar kembali kepada fitrah sebenar.

Di Malaysia pula, Mohd Affandi Hassan tampil dengan gagasan Persuratan Baru yang memberi membincangkan tentang pandangan hidup Islam, konsep taklif, ilmu dan adab dalam karya sastra. Persuratan Baru berpendapat bahawa teori-teori sastra Barat mempamerkan pandangan hidup yang bertentangan dengan ajaran Islam, justeru kemunculan teori sastra Persuratan Baru ini menegaskan supaya kegiatan sastra Melayu kembali kepada pandangan hidup Islam (Nudra Shafini, et al., 2021). Affandi dengan lantang mengkritik kecenderungan sastra moden yang terlalu mengikut hawa nafsu, mengagungkan teori Barat dan mengagungkan emosi tanpa berpaksikan ilmu yang benar. Sastra sudah tidak lagi dilihat sebagai ruang bebas untuk pengkarya bersuara semata-mata, tetapi sebagai amanah buat mereka yang harus seiring dengan ilmu dan nilai tauhid.

Walaupun Muhammad Qutb dan Mohd Affandi Hassan berasal dari latar tempat dan budaya yang berbeza, namun kedua-duanya berkongsi tujuan yang sama, iaitu mengembalikan semula fungsi sastra sebagai alat pembentukan jiwa manusia agar kembali kepada fitrah Islam yang sebenar. Pendekatan yang dibawa oleh mereka menunjukkan beberapa perbezaan yang menarik, contohnya dalam aspek hubungan sastra dan seni, konsep '*taklif*', konsep '*realisme*' (*waqiyyah*) menurut perspektif Islam serta hubungan antara sastra dan ilmu yang benar. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti pemikiran kedua-dua tokoh ini dari konteks Islamisasi sastra, dengan memberi fokus terhadap titik persamaan dan perbezaan idea yang diketengahkan oleh mereka.

Sorotan Literatur

Menurut Rahmah Ahmad H. Osman (2014), al-Quran memainkan peranan yang besar dalam perkembangan penulisan sastra Islam kerana kandungannya menjadi panduan hidup manusia yang mampu memberi kesan kepada jiwa, pemikiran, emosi dan tingkah laku. Beliau turut membincangkan mengenai istilah "*al-adab*" yang secara tradisinya digunakan di dalam kesusasteraan Arab yang merujuk kepada pendidikan dan pembentukan akhlak. Seiring perkembangan tersebut, telah muncul tokoh-tokoh sastra Islam seperti Sayyid Qutb dan Muhammad Qutb yang memberikan perhatian lebih mendalam tentang sastra Islam dari sudut pandangan alam Islam (*Islamic Worldview*) sebagai asas penghasilan karya sastra. Dalam kesusasteraan Melayu pula, istilah sastra lebih cenderung dikaitkan dengan kepentingan penggunaan bahasa yang indah serta makna yang tersirat di dalamnya. Walaupun para sarjana Melayu memberikan pelbagai definisi tentang sastra Islam, kebanyakannya bersepakat bahawa karya tersebut perlu diterapkan dengan nilai-nilai Islam yang dapat membimbing pembaca ke arah kebaikan dan pembentukan akhlak yang mulia.

Dalam penulisan Asma' dan Nursafira (2019), Muhammad Qutb mentakrifkan sastra Islam sebagai karya yang menggambarkan kewujudan alam, kehidupan, dan manusia berasaskan pandangan Islam. Dalam kitabnya *Manhaj Fan Islami*, Qutb menegaskan bahawa unsur keindahan (*al-jamal*) dan kebenaran (*al-haqq*) perlu digabungkan dengan Al-Quran. Berdasarkan pendekatan tersebut, ia sekaligus menolak teori barat yang dianggap tidak selari dengan empat ciri teras sastra Islam iaitu kebenaran ilahi, realisme (*al-waqi'iyah*), emosi manusia, dan takdir (*al-qadr*).

Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2015), membahaskan bahawa gagasan Mohd Affandi Hassan muncul sebagai respons kepada dominasi teori sastra Barat pasca-kolonial yang memberi kesan negatif terhadap tradisi sastra Melayu-Islam, menggantikan ilmu dan tauhid dengan realisme, fiksiyen, dan hiburan. Teori Persuratan Baru mengutamakan ilmu dalam naratif berbanding bertunjangkan fiksiyen semata-mata. Artikel ini menegaskan bahawa Persuratan

Baru mengintegrasikan adab rohani, fizikal, dan intelektual untuk mengembalikan fungsi sastra sebagai salah satu ibadah dakwah, serta menolak pornografi atau eksperimen formalisme yang bertentangan dengan agama Islam.

Dalam konteks sastra perbandingan, Rahmah dan Mohd Shahrizal (2011) mengkaji Affandi Hassan dari dunia kesusasteraan Melayu dan Abu al-Hasan Ali al-Nadwi dari dunia Islam global. Kedua-dua tokoh ini menegaskan bahawa sastra tidak seharusnya dipisahkan daripada nilai Islam iaitu al-Quran dan Sunnah. Affandi Hassan dan Abu Hasan Ali al Nadwi berkongsi pemikiran yang sama, iaitu sastra perlu berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan mesej kebenaran dan pembangunan bagi semua umat Islam. Selain itu, kedua-dua pandangan turut menfokuskan hubungan erat antara sastra dan kehidupan manusia dan mencerminkan realiti kehidupan yang menjadi panduan moral kepada masyarakat. Kajian ini turut mendapati bahawa terdapat persamaan yang ketara antara kedua-dua tokoh, khususnya dalam aspek penyampaian dan penekanan terhadap penyampaian mesej sastra kepada masyarakat, perkaitan sastra dengan kehidupan, serta pengiktirafan terhadap karya klasik Islam sebagai sumber ilmu dan panduan hidup manusia.

Latar Belakang Affandi Hassan

Mohd Affandi Hassan merupakan seorang sasterawan dan pemikir Melayu yang dikenali sebagai pencetus gagasan Persuratan Baru, satu konsep yang menghidupkan tradisi keilmuan Islam dalam sastra Melayu moden. Beliau dilahirkan di Pasir Mas, Salor, Kota Bharu, Kelantan Darul Naim. Beliau merupakan anak sulung kepada pasangan Zaharah binti Zakaria dan Hassan bin Yusof. Keluarga beliau sangat mementingkan pendidikan agama kerana datuknya dikenali sebagai ulama dan pengarang yang menggunakan nama pena Muhammad bin Taib (Mohd. Affandi Hassan, 2016). Justeru, latar belakang keluarganya yang baik ini mempengaruhi penglibatan dan minat luar biasa Affandi dalam bidang ilmu pengetahuan.

Affandi Hassan menerima pendidikan awal di kampung halamannya sebelum melanjutkan pelajaran di Penang Free School, Universiti Malaya, serta University of Essex di Britain. Beliau mula menulis cerpen sejak berusia 12 tahun, dan ianya menjadi permulaan bagi minat Affandi terhadap bahasa Melayu dan kesusasteraan. Seterusnya, beliau melanjutkan pengajian sarjana muda di Universiti Malaya dalam bidang Kesusasteraan Melayu memperkukuh komitmennya terhadap penulisan kreatif dan kritikan, manakala pengalaman di University of Essex menambah dimensi falsafah dan pendekatan Barat dalam pemikirannya (Mohd. Affandi Hassan, 2016).

Selepas menamatkan pengajiannya, beliau bekerja sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) di pelbagai buah pejabat daerah (Rahmah Ahmad H., et al., 2011). Meskipun begitu, beliau masih aktif dalam dunia sastra. Pengalaman beliau bekerja sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik membolehkannya mengaplikasikan idea-idea keilmuan dalam esei kritikan dan karya kreatif. Affandi Hassan merupakan pelopor Gagasan Persuratan Baru. Dalam Persuratan Baru, beliau menekankan pentingnya ilmu agama dan pemikiran Islam sebagai asas sastra Melayu, berbeza dengan corak sekular tradisional. Beliau menulis pelbagai buku, esei, novel, dan kritikan yang merealisasikan objektif ini, termasuk huraian tentang pendidikan estetika dari pendekatan tauhid.

Latar Belakang Muhammad Quthb

Muhammad Ibrahim Husayn Shadhili Quthb yang merupakan seorang ulama dan pemikir Islam yang terkenal di dunia Arab. Beliau dilahirkan pada 26 April 1919 di kampung Musya berhampiran Asyut, Mesir Hulu. Lokasi kampung beliau terletak di kawasan pedalaman yang

mengusahakan pertanian (Said) yang terbesar. Ia juga dianggap sebagai kampung tercantik di antara semua daerah. Oleh kerana beliau dibesarkan di dalam persekitaran yang harmoni, jiwanya yang mulia juga banyak terpengaruh dengan keindahan alam kerana membesar di sana (Ghafuri, Syarifullah, 2022).

Dari aspek pendidikan pula, beliau melanjutkan pengajian dalam bidang Sastera Inggeris di Universiti Kaherah dan memperoleh ijazah sarjana muda pada 1940, dan selepas itu beliau terus menyambung diploma dalam bidang psikologi dan Pendidikan (Hassan Bashir Hassan Hamid, 2021). Dengan latar belakangnya dalam bidang sastera dan linguistik, beliau berjaya memainkan peranan dan membentuk asas yang kukuh dalam usahanya mengembangkan perbincangan tentang hubungan antara seni, estetika dan Islam. Selain itu, minat beliau untuk menuntut ilmu dipupuk sejak kecil kerana beliau menjadikan abangnya Sayyid Qutb sebagai inspirasi dalam tarbiah Islam. Ianya memberi motivasi untuk beliau terus meneroka pelbagai bidang.

Selain itu, Muhammad juga aktif dalam menghasilkan karya dan tulisan sehingga kini menjadi rujukan para sarjana dan cendekiawan di seluruh dunia seperti *al-Insan bayn al-Madiyyah wa al-Islam*, *Manhaj al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*, *Marakah al-Tagalid*, *Hal Nahnu Muslimun*, *Fi al-Nafs wa al-Mujtama*, *Syubhat Hawl al-Islam*, *Dirasat Dur'aniyyah* dan banyak lagi (Qutb, Muhammad, 1983). Antara karya beliau yang terkenal dalam bidang sastera Islam ialah *Manhaj al-Fann al-Islami*, yang menghuraikan asas-asas estetika Islam, peranan seni dalam pembentukan nilai sastera Islam, serta hubungan antara seni dan tauhid. Buku ini secara dasarnya merupakan pencerahan yang lebih mendalam terhadap teori sastera awal yang telah diperkenalkan oleh abangnya, Sayyid Qutb. Buku *Manhaj al-Fann al-Islami* juga merupakan idea yang dibangunkan oleh Muhammad Qutb yang membahaskan tentang sastera Islam dengan lebih mendalam. Akhir sekali, beliau meninggal dunia pada 4 April 2014 di hospital Jeddah (Asma binti Mohd Yusuf, et al., 2019). Qutb meninggalkan warisan dalam gerakan kebangkitan Islam melalui pengajaran dan tulisan.

Sastera Islam Menurut Affandi Hassan (Teori Persuratan Baru)

Konsep taklif

Taklif merupakan tonggak utama kepada gagasan Persuratan Baru. Seperti yang dibincangkan oleh Affandi Hassan, gagasan ini menghuraikan konsep taklif ini melalui hakikat ilmu dan insan dan juga hakikat seni dalam Islam (Mohd. Affandi Hassan, 2008). Menurut Adi Amzar (2022), Persuratan Baru merupakan prinsip utama yang menekankan tanggungjawab penulis untuk menghasilkan karya mereka yang berpandukan ajaran Islam. Konsep manusia sebagai khalifah yang mempunyai amanah dan tanggungjawab di dunia ini menjadikan seorang penulis sebagai seorang khalifah yang menggalas tanggungjawab sekaligus menjadi pembawa mesej tauhid serta nilai-nilai Islam di dalam setiap karya mereka. Sebagai khalifah di muka bumi ini, mereka juga diamanahkan untuk melakukan *amar makruf* (menyeru melakukan kebaikan) dan *nahi munkar* (mencegah kemungkaran).

Dalam dunia kesusasteraan, konsep '*taklif*' wajar diterapkan dalam kalangan penulis beragama Islam. Mereka perlu menjadi pendorong dan memainkan peranan utama dengan menghasilkan karya yang berasaskan ilmu dan diterima oleh logik akal bukannya menghasilkan karya yang tidak bermoral dan lucuk. Hal ini jelas berbeza dengan falsafah sastera yang mengutamakan perasaan, khayalan, emosi, imaginasi sebagai tunjang penceritaan sehinggakan melanggar batas dan etika beragama dalam berkarya. Akibatnya, lahirlah karya-karya yang kononnya dianggap

hebat sebagai karya agung namun realitinya berkiblatkan hedonisme dan pengaruh ideologi barat. Affandi Hassan bukan sahaja membincangkan genre sastera semata, tetapi juga satu gagasan dakwah yang mengangkat nilai tauhid sebagai asas utama dalam penulisan.

Siratan Makna (Stylization of Ideas)

Stylization of ideas merujuk kepada teknik penulisan yang mengutamakan pemikiran ilmiah dan ilmu pengetahuan melalui pemilihan kata tepat serta siratan makna mendalam, bukan sekadar retorik atau luahan emosi. Konsep ini menekankan gaya penulisan yang ilmiah dari segi isi tetapi indah dalam penyampaian, berdasarkan "epistemic choice" di mana pengarang memilih kata-kata dan ayat untuk menyirat makna tersembunyi yang lebih kaya daripada bentuk luaran. Ia menolak bahasa berbelit, sentimental, atau perhiasan seperti kiasan berlebihan, serta mengutamakan kebenaran dalam konteks taklif Islam berbanding kepuasan hawa nafsu (Ungku Maimunah, 2015). Hasilnya ialah karya yang menonjolkan wajah seni melalui ikatan kata halus, padat, dan memikat. Penulis tidak memerlukan cara penulisan kreatif yang baru. Akan tetapi mereka harus menentukan sendiri ciri-ciri karya yang sesuai dengan keperluan agama dan masyarakat sekaligus menjadi penentu nilai murni untuk seluruh masyarakat bukannya sekadar menjadi pengikut teori sastera sedia ada secara membuta tuli.

Dalam Persuratan Baru, *stylization of ideas* menjadikan pemikiran dan ilmu sebagai elemen utama yang mentakrifkan makna karya, walaupun watak atau cerita masih wujud tetapi tidak mendominasi. Ia berbeza daripada retorik tradisional sastera Malaysia yang cenderung kepada emosional. Konsep ini juga menolak "khayalan hanyut" dan pandirisme, memfokuskan estetika berasaskan ilmu benar dan tauhid. Di dalam membahaskan konsep ini, Affandi meminjam teknik *stylization* yang dikemukakan oleh Ismail al-Faruqi dengan tujuan memantapkan gagasan Persuratan Baru. Mohd Affandi menterjemahkan *stylization of ideas* ke bahasa Melayu sebagai 'siratan makna.' Menurut beliau lagi siratan makna adalah 'gabungan taklif, ilmu dan kawalan' dan menjadi benteng untuk konsep persuratan yang beliau kemukakan.

Kritikan Terhadap Ideologi Barat

Persuratan Baru mengemukakan kritikan sistematik terhadap ideologi Barat dengan menolak asas falsafah, nilai, dan konsep manusia yang datang daripada tradisi sekular moden. Pendekatan ini menganggap ideologi Barat sebagai rangka fikir yang tersasar daripada tauhid dan mesti diganti dengan kerangka ilmu berasaskan taklif dan hakikat insan dalam Islam. Persuratan Baru menolak humanisme, liberalisme, dan individualisme Barat yang mengangkat manusia sebagai penentu mutlak nilai, bebas daripada ikatan wahyu. Tradisi ini melahirkan konsep otonomi akal dan kebebasan mutlak yang memisahkan etika daripada taklif, lalu menjadikan kesusasteraan sebagai ekspresi emosi, nafsu, dan pengalaman subjektif semata-mata.

Dalam ideologi Barat, insan sering ditakrif melalui dimensi psikologi, ekonomi, atau seksual tanpa ikatan perhambaan kepada Allah, sedangkan Persuratan Baru menegaskan manusia sebagai abd dan khalifah yang tertakluk kepada taklif. Ilmu Barat juga dikritik kerana bersifat relatif, empiris-sekular dan terbuka kepada "ilmu palsu", berbeza dengan konsep ilmu benar yang berakar pada wahyu dan mengikat pengarang kepada tanggungjawab moral serta akhirat. Persuratan Baru menolak definisi sastera Barat yang menyanjung mimetik-psikologis (karya sebagai "cermin masyarakat" atau "luahan hati") kerana membawa khayalan tidak terkawal dan pandirisme. Sebaliknya, ia mengalihkan fokus daripada cerita, emosi dan hiburan kepada persuratan, iaitu penulisan berilmu yang mendidik akal budi berdasarkan kebenaran dan taklif. Dalam kritikan sastera, ideologi Barat seperti strukturalisme, pascamodenisme, Marxisme,

feminisme sekular dan sebagainya dilihat terikat kepada pandangan alam sekular yang bercanggah dengan tauhid. Oleh itu, pengkaji yang menggunakan Persuratan Baru diarahkan menilai teks berasaskan ukuran taklif, ilmu benar, dan kedudukan insan menurut Islam, bukan menurut kategori teori Barat yang menjadikan manusia dan sejarah sebagai sumber nilai tertinggi (Rahmah Ahmad et al., 2011).

Hakikat Ilmu yang Benar

Persuratan Baru oleh Mohd Affandi Hassan menekankan usaha mengejar ilmu yang benar sebagai asas utama untuk mengangkat kesusasteraan Melayu ke arah kedalaman rohani dan intelektual. Ilmu yang benar, yang bersumber daripada wahyu, akal dan pengalaman, mesti membawa manusia lebih dekat kepada Allah melalui iman, seterusnya melahirkan keyakinan (yaqin) dan penilaian etika yang kukuh (Hashim Ismail, 2007). Ini berbeza dengan pengetahuan seperti sains semata-mata yang boleh membawa kepada penyimpangan. Persuratan Baru menolak pendekatan sastera Barat yang berlebihan realisme, tahyul atau lagha, yang dilihat sebagai penghalang kepada kebenaran. Affandi Hassan meletakkan ilmu yang benar sebagai asas penciptaan dan kritik sastera, memastikan karya-karya mencerminkan tauhid dan taklif manusia.

Affandi merujuk al-Ghazali bahawa hanya ilmu berlandaskan iman yang memberi keyakinan mutlak. Penulis bertanggungjawab seperti al-qalam dalam Al-Quran untuk menyebarkan ilmu yang benar melalui karya yang selari secara moral, mengukur intelektualisme berdasarkan kedekatan dengan worldview Islam. Persuratan Baru ini mencabar paradigma sastera Islam terdahulu, menggesa kreativiti terkawal untuk pembaharuan. Ilmu yang benar bersumber daripada tiga saluran: wahyu (Al-Quran sebagai sumber mutlak), akal dan pengalaman, tetapi mesti diarahkan oleh iman untuk melahirkan yaqin (keyakinan mutlak) seperti yang dijelaskan al-Ghazali. Ia berbeza dengan "sains" atau pengetahuan daripada akal/pengalaman sahaja, yang boleh mengelirukan, menimbulkan keraguan atau penyimpangan moral tanpa petunjuk rohani. Ilmu benar ini membezakan Persuratan Baru daripada Sastera Islam terdahulu, kerana ia menjamin karya tidak menimbulkan keraguan tauhid.

Menolak Pemikiran ‘Pandirisme’

Istilah Pandirisme ini diambil dari kisah rakyat Melayu melalui watak ‘Pak Pandir’ yang bersikap bodoh dan tidak kritis dalam membuat keputusan dan kesimpulan. Menurut Affandi Hassan di dalam bukunya ‘Pandirisme dalam Komuniti Dunia, watak Pak Pandir bukanlah sebagai seorang yang tidak pandai, akan tetapi dia lebih mementingkan kepentingan diri sendiri dengan memilih padi hampa dari padi berat untuk menunaikan hasrat Mak Andeh dan menyelesaikan masalah dengan cara yang mudah. Dalam konteks pandirisme ini ia boleh dilihat sebagai “Asal tercapai matlamat, sudah cukup, tanpa mengambil kira sama ada penilaian itu tepat atau tidak dengan syarat-syarat yang diberikan (Mohd. Affandi Hassan, 2016). Ia juga termasuk ketidakmampuan membezakan padi hampa (realisme semu) daripada padi berat (ilmu haq), serta tafsiran menjadi salah akibat akal digunakan secara mudah dan tidak kritis. Hal ini sejajar dengan yang ditegaskan oleh Affandi Hassan tentang Pandirisme, sama seperti penulis yang berkarya mengikut nafsu dan kepentingan diri sendiri. Mereka menulis hanya untuk menarik minat pembaca tanpa mengira ianya selari dengan agama Islam atau tidak. Yang mereka pentingkan hanyalah keuntungan mereka samada dari segi nama dan harta.

Dalam Persuratan Baru, Affandi Hassan menyifatkan para sarjana dan karyawan yang menghasilkan karya-karya mereka tanpa berpaksikan ilmu yang benar dan tidak kritis sebagai ‘pandirisme’. Selain itu, beliau juga menggelarkan mereka sebagai Bullshit. Konsep bullshit

yang diambil dari buku *On Bullshit* oleh Prof. Harry. G. Frankfurt. Dalam konteks ini, bullshit disifatkan kepada para ilmuwan yang berfikir bebas mengikut barat. Dalam penulisan mereka, mereka lebih suka memetik teori barat dari sumbangan Al-Attas tentang penulisan sastera (Syair Melayu). Hal ini kerana Syed Naquib Al-Attas banyak membicarakan secara serius dan menyeluruh tentang syair Melayu yang berasal dari karya Hamzah Samsuri. Hal ini membangkitkan isu pandirisme yang jelas kerana hanya genius yang mengenal genius yang lain sepertimana yang digambarkan oleh reality Pak Pandir yang tidak dapat membezakan padi hampa dengan Padi Berat. (Mohd. Affandi Hassan, 2016).

Selain dari itu, beliau menggelarkan golongan tersebut sebagai 'idle talk'. Golongan ini hanya mengutarakan atau memperkenalkan kepada masyarakat dengan sesuatu perkara atau idea seolah-olah sudah difikirkan secara mendalam dan merupakan kefahaman mereka yang asli; hakikatnya tidak. Dalam situasi ini, Affandi Hassan mengkritik Prof Emiritus Dr. Muhammad Haji Salleh yang menyarankan para penulis patut meniru Salman Rushdie dan dijadikan sebagai rujukan. Hal ini sangat memalukan kerana seorang ilmuwan terkemuka menggalakkan masyarakat untuk mengidolakan penulis novel '*The Satanic Verses*' yang terang lagi bersuluh mengikut ideologi barat yang jauh terpesong.

Dalam Persuratan Baru, pandirisme menjadi asas penilaian akademik dan kritikan sastera yang salah, seperti memuji karya dangkal sebagai intelektual, bergantung plot cerita tanpa falsafah tauhid, atau menerima teori Barat secara buta. Ini melahirkan sasterawan "hanyut" yang mempertahankan budaya sia-sia, menolak ilmu benar demi hiburan atau lucah. Persuratan Baru menggunakan takrif ini untuk membersihkan kesusasteraan Melayu daripada pandirisme, menggantikannya dengan fahaman Islam yang kritis, berpaksikan ilmu yang benar dan estetika tauhid, bagi memulihkan maruah bangsa. Persuratan Baru menangkis pandirisme dengan mengutamakan ilmu benar sebagai penyampai idea, memastikan kreativiti beradab dan kritis untuk pemulihan maruah terutamanya bagi Melayu-Islam.

Sastera Islam Menurut Muhammad Qutb

Sastera Islam ialah “Ungkapan yang Indah tentang Alam, Kehidupan dan Kemanusiaan dari Perspektif Islam”

Di dalam kitab *Manhaj al-Fann al-Islami*, Muhammad Qutb berkata “Agama sebenarnya bersatu dengan seni dalam jiwa manusia. Kedua-duanya terhasil daripada keinginan dalam usaha untuk membebaskan diri daripada kehidupan yang dibelenggu tekanan dan keperluan. Dalam masa yang sama, kedua-duanya membawa kepada perasaan yang membuak, seolah-olah ada tarikan menuju kepada dunia yang lebih indah dan bermakna” (Qutb, Muhammad, 1983). Qutb membahaskan tentang unsur keindahan atau “*al-Jamal*” yang bermaksud keindahan yang sebenar ialah apabila hakikat alam dan manusia dapat dikaitkan dengan kebesaran Allah secara langsung atau tidak langsung. Menurut Muhammad Qutb, *al-Jamal* bermaksud keindahan yang hakiki yang menjadi sifat asas dalam ciptaan dan kehidupan, serta menjadi salah satu elemen utama dalam seni dan sastera Islam. (Adli Yaacob, Siti Hajar Ramli, 2021).

Beliau turut menjelaskan bahawa seni Islam merupakan gabungan antara *al-Jamal* dan *al-Haqq*. *Al-Jamal* merupakan hakikat sebenar yang mewarnai sesuatu kejadian, manakala *al-Haqq* pula ialah kemuncak kepada *al-Jamal* dan ia akan bertemu di puncak yang menempatkan segala hakikat dan kebenaran tentang kejadian dan kewujudan di alam ini (Adi Amzar, et al., 2016). Qutb turut menggambarkan sastera Islam sebagai ungkapan indah tentang alam, kehidupan dan manusia dari perspektif Islam, bukan sekadar penulisan keagamaan yang jumud

dan sempit. Walaupun begitu, konsep keindahan yang dibincangkan oleh Muhammad Qutb ini masih berlandaskan ajaran Islam yang benar berbeza dengan pemikiran ahli sastera Barat yang hanya mengikut hawa nafsu semata-mata tanpa berfikir tentang baik dan buruk yang jelas sekali menyalahi norma dan nilai agama. Ia merupakan seni Islam yang mengungkap idea, emosi yang ada di dalam jiwa penulis.

Selain itu, Muhammad Qutb (1983), mendefinisikan seni Islam yang merangkumi di dalamnya sastera Islam sebagai ungkapan indah tentang alam, kehidupan dan manusia mengikut perspektif Islam terhadap perkara tersebut. Ungkapan indah yang dimaksudkan ialah ungkapan yang menepati ciri-ciri penulisan kreatif atau kesusasteraan sama ada dalam bentuk syair atau prosa seperti novel, cerpen dan teater. Sekiranya sesuatu ungkapan tidak memenuhi ciri-ciri tersebut, maka ia tidak dikategorikan sebagai karya sastera.

Quran Sebagai Sumber Inspirasi Sastera Islam

Sumber suci Al Quran sering menjadi sumber rujukan utama kepada pengkarya sastera yang menitikberatkan karya Islami di dalam penulisan mereka. Perkara ini dapat diperhatikan dalam pemikiran Muhammad Qutb yang jelas mengambil al-Quran sebagai teras utama kepada penghasilan karyanya. Al-Quran memberikan gambaran atau sudut pandang yang sempurna mengenai alam, kehidupan dan manusia kepada kita serta mengandungi matlamat dan tujuan seni mengikut nilai Islam yang sebenar. Justeru, al-Quran merupakan sumber yang paling sempurna dalam semua konsep seni yang mengungkapkan tentang kehidupan, berlandaskan ajaran Islam.

Menurut Muhammad Qutb (1983), menerusi gagasan sastera Islami beliau, Al-Qur'an juga tidak mengetepikan nilai-nilai kesusasteraan yang wujud di dalamnya dengan mengetengahkan gambaran yang cukup jelas mengenai hakikat alam, kehidupan dan juga manusia. Hakikatnya, tidak perlembagaan lain di dunia selain Al-Qur'an yang dapat menandingi keagungan Al-Quran khususnya dalam menjelaskan konsep ketuhanan, kehidupan dan alam secara terang, jelas dan mudah difahami. Idea Qutb dapat membuktikan bahawa Al-Quran merupakan sumber utama kepada pembentukan sastera Islam. Al-Quran bukan sekadar manhaj dan berfungsi sebagai panduan kehidupan malah ia juga mengandungi nilai seni yang seimbang dan menyeluruh dalam mentafsir realiti alam, kehidupan dan manusia. Melalui penghayatan yang mendalam terhadap Al-Quran, keseimbangan antara keindahan dan kebenaran, antara nilai rohani dan realiti kehidupan, serta antara karya seni dan tanggungjawab moral dapat difahami dengan lebih menyeluruh oleh pembaca dan pengkarya yang menghayatinya.

Konsep Realisme (Waqiiyyah) menurut Islam

Mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka, realisme memberi maksud aliran sastera dan seni lukis yg menggambarkan kisah hidup sebenar (bukan khayalan). Namun ia berbeza dengan konsep realisme di dalam pemikiran Muhammad Qutb. Dalam kerangka pemikiran Qutb, konsep realisme atau *waqiiyyah* dari sudut pandang Islam tidak merujuk kepada peniruan realiti secara materialistik semata-mata, tetapi kepada penggambaran hakikat kehidupan yang sebenar sebagaimana difahami melalui tasawur Islam.

Beliau menyatakan dua ciri penting realisme yang mengikut sudut pandang Islam. Yang pertamanya, realisme disifatkan sebagai sifat semula jadi manusia yang mempunyai kebaikan dan keburukan. Akan tetapi, konsep realisme yang ditakrifkan ini tidak menonjolkan keburukan dan kejahatan sebagai suatu benda yang boleh ditonjolkan dan menjadikan ia suatu kebiasaan. Ia bahkan menjadikan ia satu inisiatif untuk memperbaiki kekurangan dan menjadi lebih baik.

Hal ini jelas sekali berbeza dari konteks realisme yang diperkenalkan oleh Barat yang mengangkat kejahatan itu menjadi satu bentuk pemaparan realiti sebenar masyarakat tanpa memikirkan kesan atas perbuatan tersebut.

Seterusnya, konsep realisme yang kedua adalah kaedah penggunaan sesuatu kejadian itu haruslah jujur dan menggambarkan realiti sebenar kehidupan manusia. Beliau menegaskan bahawa seorang penulis mestilah mempunyai sikap amanah dalam menggambarkan sesuatu situasi termasuklah pada kelemahan, kekuatan, kemewahan atau, kekurangan. Penulis juga haruslah telus dengan penulisannya yang mewakili realiti sebenar kehidupan masyarakat (Mohd Adi Amzar, 2019).

Kebenaran Akidah (Tauhid)

Kebenaran akidah atau tauhid merupakan asas utama dalam pembentukan jiwa manusia menurut Muhammad Qutb. Hal ini demikian kerana akidah yang benar menjadi penentu kepada kekuatan iman, kestabilan emosi, dan arah tujuan kehidupan seseorang. Dalam konteks sastera Islam, Muhammad Qutb menegaskan bahawa kepercayaan atau pegangan perlu dipasak dengan kuat adalah dengan beriman serta menyakini sepenuh hati bahawa Allah sahaja tuhan yang berhak disembah, yang Mentadbir, menguasai alam semesta ini.

Apabila jiwa seni seseorang itu dipandu oleh akidah tauhid yang kukuh, karya yang lahir pastinya sarat dengan nilai ketuhanan dan bertepatan dengan syariat Islam. Pegangan yang kuat ini bukan sahaja menghidupkan mesej dakwah yang mampu menyentuh hati dan jiwa manusia, malah memberi kesan yang mendalam kepada sesiapa sahaja melalui keindahan seni yang disampaikan. Ia menunjukkan bahawa Qutb melihat adanya hubung kait yang sangat rapat antara elemen jiwa, alam, dan manusia dalam membina sastera Islam. Bagi beliau, sastera bukanlah sekadar platform untuk berkarya semata-mata, tetapi ia adalah medan untuk mendidik iman, menanam makna kehidupan, serta membangkitkan kesedaran tauhid dalam diri setiap insan (Qutb, Muhammad, 1983).

Analisis Persamaan dan Perbandingan Pemikiran Affandi Hassan dan Muhammad Qutb

Mohd. Affandi Hassan dan Muhammad Qutb merupakan antara tokoh penting dalam perkembangan teori sastera Islam. Kedua-duanya berusaha membina kerangka sastera Islam yang berasaskan tauhid dan berpandukan ilmu yang benar. Persamaan yang paling ketara antara Affandi Hassan dan Muhammd Qutb ialah berpendapat bahawa sastera tidak seharusnya dipisahkan daripada agama dan nilai ketuhanan. Mereka berdua juga turut menegaskan bahawa ilmu dan akidah tauhid wajib menjadi asas penting dalam penghasilan karya sastera. Affandi membincangkan konsep taklif iaitu tanggungjawab seorang penulis. Ia menekankan tanggungjawab manusia terhadap ilmu, amal dan hakikat kejadian insan. Beliau juga memperkenalkan "*stylization of ideas*", yang mana turut mementingkan seni penyampaian idea yang indah tetapi tidak lari dari nilai Islam. Selari dengan matlamat yang sama, Muhammad Qutb pula mentakrifkan sastera Islam sebagai ungkapan indah tentang kehidupan, manusia dan alam daripada perspektif Islam, dengan al-Quran dijadikan sumber inspirasi utama dalam pembentukan karya seni.

Seterusnya, Affandi Hassan dan Muhammad Qutb menemukan titik persamaan dalam idea penolakan terhadap teori sastera Barat. Sebagai contoh, Affandi mengkritik pemikiran Barat yang menurut beliau membawa kepada "pandirisme", iaitu berfikiran certek dan tidak pandai menilai kebenaran. Bagi Qutb, beliau menolak realisme barat yang tiada batas. Oleh itu, beliau menekankan konsep realisme dari sudut pandangan Islam (waqi'iyah), iaitu sastera perlu

menggambarkan kehidupan berdasarkan hakikat sebenar dan bukan sekadar khayalan yang tiada penghujung.

Namun begitu, terdapat beberapa perbezaan idea yang dapat kita lihat dari perbincangan sastera Islam menurut kedua-dua tokoh ini. Titik perbezaan mereka agak jelas. Muhammad Qutb lebih menekankan unsur keindahan, fitrah, emosi, dan hubungan seni dengan jiwa, manakala Affandi Hassan lebih menekankan ilmu, adab, dan pembinaan teks yang bertanggungjawab. Jika Muhammad Qutb memberikan asas falsafah estetik kepada sastera Islam, Affandi Hassan pula memperluas wacana tersebut ke arah teori persuratan yang lebih kritikal dan intelektual.

Berbeza dengan itu, Affandi Hassan menumpukan perhatian pada pembinaan sastera berasaskan ilmu, konsep '*taklif*' adab, dan kebenaran. Dalam gagasan Persuratan Baru, beliau mengkritik kecenderungan sastera moden yang terlalu bermain dengan emosi, dan bahasa yang puitis sehingga mengabaikan fungsi ilmu. Bagi Affandi, sastera Islam tidak cukup hanya dengan tema keagamaan atau mesej moral; yang lebih penting ialah kerangka pemikiran yang benar, tidak terpengaruh dengan teori sastera barat, tertib, dan beradab. Bagi beliau, penulis haruslah mempunyai sifat '*taklif*' di atas penulisannya. Hal ini kerana karya sastera mesti menjadi medium untuk menyampaikan ilmu yang benar, membina akhlak masyarakat, dan memperkukuh Islam. Dengan kata lain, konsep sastera menurut Affandi Hassan bersifat lebih sistematik dan normatif kerana beliau memandang sastera sebagai sebahagian daripada pembinaan peradaban ilmu.

Perbezaan ini menunjukkan bahawa Islamisasi sastera tidak bergerak dalam satu bentuk sahaja. Muhammad Qutb membincangkan sastera Islam sebagai seni yang indah, hidup, dan berpaksikan tauhid, sedangkan Affandi Hassan melihat sastera sebagai medium ilmu dan adab yang mesti membina peradaban Islam dan manusia. Kedua-dua pandangan ini saling melengkapi kerana Islam bukan sahaja menfokuskan keindahan, tetapi juga kebenaran dan tanggungjawab penulis terhadap penghasilan karya sastera mereka. Justeru, apabila diteliti kedua-dua pemikiran mereka, kita dapat memahami bahawa sastera Islam bukan hanya perbincangan yang menfokuskan bentuk dan gaya bahasa sahaja, tetapi juga membincangkan nilai, ilmu, niat, dan tujuan yang disampaikan oleh seorang penulis. Inilah yang menjadikan perbincangan tentang Islamisasi sastera begitu penting dalam kajian kesusasteraan Islam.

Akhir sekali, walaupun kedua-duanya bersependapat menolak teori Barat di dalam idea Sastera Islam, terdapat perbezaan yang ketara juga antara kedua-dua tokoh ini dari sudut penggunaan perkataan "*realisme*". Affandi Hassan menolak penggunaan perkataan kerana ianya lahir dari teori barat dan mengatakan bahawa penggunaan "*realisme*" dalam Sastera Islam tidak relevan, manakala Muhammad Qutb menggunakan perkataan "*realisme*" (*al-waqi'iyah*) dalam sastera Islam tetapi dengan syarat ianya harus selari dan menepati ajaran Islam.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang telah dikaji, dapat dilihat bahawa pemikiran Mohd Affandi Hassan dan Muhammad Qutb sama-sama memberikan sumbangan penting dalam memperkukuhkan sastera Islam Melayu dan Arab. Mereka tegas menekankan kepentingan sastera yang berteraskan tauhid dan ilmu. Walaupun kedua-duanya mempunyai pendekatan dan idea yang berbeza, mereka bersepakat pada matlamat yang sama, iaitu mengangkat sastera sebagai medium pembangunan insan, ruang untuk menyampaikan ilmu, dan pemantapan adab masyarakat. Perbezaan pemikiran Qutb dan Affandi khususnya dari aspek estetika dalam karya sastera, konsep "*taklif*", emosi, dan ilmu membuktikan bahawa Islamisasi sastera berkembang

secara meluas dan tidak terhad kepada satu bidang pemikiran sahaja. Oleh sebab itu, sastera Islam tidak boleh dinilai semata-mata berdasarkan unsur keagamaan, tetapi turut mengangkat unsur seni yang indah serta tanggungjawab. Ia juga menggabungkan semua nilai itu dalam membentuk pemikiran dan peradaban manusia selaras dengan pandangan alam Islam (*Islamic Worldview*).

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Penulis juga merakamkan penghargaan kepada penyelia atas bimbingan dan panduan yang amat bermakna.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini.
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. [Mirza Farzana Mohd Fauzi, Mohamad Nasrin Nasir] bertanggungjawab terhadap pengkonsepan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. [Mirza Farzana Mohd Fauzi] mengendalikan analisis serta tafsiran dapatan kajian. [Mirza Farzana Mohd Fauzi, Mohamad Nasrin Nasir] menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- A.Halim Ali. (2018). Inti sari teori sastra Barat dan Malaysia. NHA Excell Resources.
- A.Wahab Ali. (2009). Kesusasteraan Melayu dalam Bandingan dan Pendidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
- Asma' binti Mohd Yusof, Nursafira binti Ahmad Safian. (2019). Konsep Sastra Islam oleh Muhammad Qutb dan Muhammad Uthman ElMuhammady: Satu Perbandingan. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. http://irep.iium.edu.my/77629/1/77629_Konsep%20sastra%20Islam%20oleh%20Muhammad%20Qutb.pdf
- Ghafuri, Syarif el-din. (2020). Literary Essays by Muhammad Qutb: A Compilation and Analytical Study (المقال الأدبي عند محمد قطب من خلال كتابته "جمعا ودراسة"). Dar Al-Manzumah for Information Technology.
- Hashim Ismail. (2007). Sejarah Penulisan Novel di Malaysia: Isu dan Cabaran. Jurnal Pengajian Melayu, 18, 25-40. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9720/6859>
- Hassan Bashir Hassan Hamid, (2021). Mohammad Qutb and His Efforts to Islamic Literary Criticism (محمد قطب وجهوده في النقد الأدبي الإسلامي). *Majallah Al-Arabiah Madad*. Vol.5, No.14. https://www.researchgate.net/publication/366797190_mhmd_qtb_wjhwadh_fy_alnqd_aladby_alaslamy
- Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, Zulkarnain Mohamed, Pabiyah Toklubok @Hajimaming. (2015). Sorotan Literatur Perbandingan Gagasan Sastra Islami Sayyid Sayyid `Abd al-Raziq dan Mohd Affandi Hassan. International Journal of Islamic Thought. Vol. 8. https://www.ukm.my/ijit/wp-content/uploads/2016/01/IJIT-Vol-8-Dec-2015_5_35-51.pdf
- Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi. (2022). Konsep Taklif Dalam Konteks Persuratan Baru dan Pengaplikasiannya dalam Kesusasteraan Moden. E-Proceeding Extended Abstract of International Islamic Science Seminar (Seminar Antarabangsa Islam dan Sains) 2022, 132-140. <https://oarep.usim.edu.my/server/api/core/bitstreams/599629c3-29de-4850-acb7-c5dee8d66e4b/content>.
- Mohd Adi Amzar. (2019). Pengenalan Gagasan Sastra Islami Dunia Arab dan Alam Melayu. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan. (2016). Pandirisme Dalam Komuniti Dunia. Himpunan Keilmuan Muslim, Kuala Lumpur.
- Nudra Shafini Halis Azhan, Mohd. Zariat Abdul Rani, Salmah Jan Noor Muhammad. (2021). Kesusasteraan Melayu dan Persuratan Baru: Satu Pengamatan Kritis Tentang Sambutan Kesarjanaan. J. Soc. Sci. & Hum. 29 (2). [www.pertanika.upm.edu.my/resources/files/Pertanika%20PAPERS/JSSH%20Vol.%2029%20\(2\)%20Jun.%202021/37%20JSSH-7744-2020.pdf](http://www.pertanika.upm.edu.my/resources/files/Pertanika%20PAPERS/JSSH%20Vol.%2029%20(2)%20Jun.%202021/37%20JSSH-7744-2020.pdf)
- Qutb, Muhammad. (1983). Manhaj al-Fan al Islami. Ulang Cetak. Beirut: Dar-al Syuruq.
- Rahmah Ahmad H. Osman Mohd Shahrizal Nasir. (2011). Sastra Islam: Satu Perbandingan Antara Pandangan Mohd. Affandi Hassan Dengan Abu al-Hasan Ali al-Nadwi. Jurnal e-Utama, 3, 1-40. http://irep.iium.edu.my/7810/1/Sastra_Islam-Satu_Perbandingan_Antara_Pandangan_Mohd_Affandi_Hassan_Dengan_Abu_al-Hasan_Ali_al-Nadwi.pdf
- Rahmah Ahmad H. Osman. (2014). The Literary Facets of the Qur'an As A Guideline for Islamic Literary Writing .Al-Shajarah Journal of Institute of Islamic Thought and Civilization. 19 (2). <https://journals.iium.edu.my/shajarah/index.php/shaj/article/view/319/202>.

Ungku Maimunah binti Mohd Tahir. (2015). Persuratan Baru: An Alternative Paradigm to Western Literary Methodologies, ASIATIC, 9(1), 160-176.
<https://journals.iium.edu.my/asiatic/index.php/ajell/article/view/585/536>